

FTA: Mungkinkah kita terjajah semula?

Oleh JOHARDY IBRAHIM

Analisis

HARI INI jemaah menteri yang bermesyuarat, mempunyai tanggungjawab amat besar, iaitu menentukan hala tuju negara seterusnya.

Kabinet akan membincangkan rancangan dan pendirian isu tertangguh dalam rundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) antara Malaysia dengan Amerika Syarikat (AS).

Sebarang keputusan yang dibuat akan mempengaruhi kehidupan rakyat jelata secara langsung dan tidak langsung.

Ini kerana sekiranya kedua-dua pihak bersetuju ke arah perjanjian itu, negara akan menghapuskan tarif, kuota dan keutamaan terhadap kebanyakan barangan. Matlamatnya ialah bagi membolehkan barangan bergerak tanpa halangan.

FTA Malaysia-AS akan melibatkan pelbagai barangan, perkhidmatan, isu hak harta intelektual, pemerolehan kerajaan, perubahan, alam sekitar dan tenaga buruh.

Banyak pihak mahu FTA dilihat secara lebih teliti kerana perjanjian ini bukan sahaja menuntut pembukaan pasaran seluas-luasnya kepada AS tetapi juga me-

mungkinkan satu penjajahan baru di era globalisasi dalam ekonomi negara.

Pembukaan pintu kepada kemasukan pengusaha AS dan produknya dikhuatiri akan menyaksikan persaingan sengit antara syarikat tempatan dengan pihak asing yang lebih kuat dan agresif.

Dalam isu pemerolehan, misalnya, ia boleh dilihat sebagai sesuatu yang kritikal kepada pengusaha tempatan.

Daripada pemerolehan dalam pembinaan bangunan kerajaan, sekolah, jalan raya, pembelian peralatan pejabat sehinggalah perkhidmatan ICT, ia merupakan peluang perniagaan yang sentiasa ditunggu-tunggu oleh para kontraktor tempatan.

Apakah nasib mereka jika FTA membuka peluang kepada kemasukan syarikat gergasi antarabangsa yang bermodal besar? Sudah pasti daripada persaingan ini, syarikat tempatan boleh ditelan hidup-hidup dan akan gulung tikar.

Kebimbangan ini yang disuarakan antaranya oleh Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama)

UM- 7/3/2007
perlu diberikan perhatian sewajarnya.

Presidennya, Datuk Moehamad Izat Emir berkata, beliau telah melihat kesan perjanjian FTA antara AS dengan Chile.

"Syarikat-syarikat antarabangsa AS telah mengambil alih kebanyakan syarikat Chile dalam sektor pertanian yang menjadi nadi utama negara Amerika Selatan itu.

"Dengan adanya hak pelaburan dalam FTA, sudah pasti syarikat antarabangsa akan mengambil alih perniagaan yang melibatkan syarikat korporat negara kita, syarikat milik kerajaan dan perkhidmatan utama seperti bekalan air dan elektrik.

"Secara tidak langsung, sebenarnya negara telah dijajah semula," kata Moehamad Izat.

Meskipun terdapat laporan sebelum ini bahawa AS menyedari dan memahami tentang isu kepentingan bumiputera termasuk dari segi pemerolehan kontrak kerajaan tetapi ia tidak bermakna satu jamiin dan seharusnya tidak wujud sebarang sikap berlapang dada.

Pada masa ini, negara kuasa besar dunia itu mempunyai kelebihan yang banyak termasuk dalam industri perisian teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang

masih baru di pasaran tempatan.

Pasaran negara ini masih mentah dalam perisian yang memerlukan hak harta intelektual yang mana patennya perlu didaftarkan dan usaha mendaftarkannya juga melibatkan kos yang tinggi.

Selain itu, jumlah pengusaha syarikat yang benar-benar memahami kepentingan dan keperluan berkenaan masih terlalu rendah. Dan apa yang dibimbangi, kita akan mudah diperdaya kerana kurang arif tentang apa yang tidak diketahui.

Tidak menghairankan apabila terdapat banyak pihak juga kluatir Malaysia bakal menghadapi tekanan dari segi kenaikan harga barang dengan menyetujui FTA dengan AS termasuk dalam perubahan.

Penganalisis kanan firma kewangan tempatan, Mohd. Amin Abdul Manap berkata, perundingan yang berlangsung selama ini jelas berat sebelah kepada AS.

"Malaysia sedang berhadapan dengan sebuah gergasi pasaran dan ekonomi yang jauh lebih besar daripada kita.

"Daripada satu pandangan, FTA mungkin jambatan yang baik untuk meningkatkan dagangan Malaysia tetapi FTA juga boleh menjadi alat menakluk yang bukan berbentuk ketenteraan," katanya.